

03 JUN 1997

AGONG UCAP TAHNIAH KEPADA TONGA

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja`afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah hari ini menghantar perutusan tahniah kepada Raja Tonga, Taufa`ahau Tupou IV, sempena hari kebangsaan negara itu.

Tuanku Ja`afar mendoakan agar keamanan, kemajuan dan kemakmuran terus dinikmati oleh rakyat Tonga.

Menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra, Seri Paduka berharap hubungan persahabatan dan kerjasama yang sedia terjalin antara kedua-dua negara, terus diperkukuhkan demi faedah bersama.

Dalam perutusan yang serupa kepada Perdana Menteri Tonga Baron Vaea, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau yakin hubungan persahabatan dan kerjasama sedia ada antara kedua-dua negara dapat dipertingkatkan lagi pada masa depan.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi juga mengirim perutusan serupa kepada Menteri Pertahanan dan Hal Ehwal Luar Tonga, Putera Mahkota Tupouto`a. -- BERNAMA

HS OBA